

UTUSAN MALAYSIA

RABU, 11 OKTOBER 2017

Masa depan cerah lepasan TVET

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED



BAGI mencapai impian mendapat tinggi dengan acuan sendiri, negara memerlukan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing dan berkualiti tinggi. Sudah semestinya kita tidak mahu lagi bergantung harap sepenuhnya kepada pekerja asing untuk memajukan negara kita. Justeru langkah pihak kerajaan untuk memperbaikkan dan menjenamakan semula sistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) adalah satu pendekatan yang amat wajar dan signifikan.

Hakikatnya, kita perlu mengorak langkah ke hadapan untuk melihat hala tuju landskap dan pembangunan negara dalam pelbagai sektor sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 atau 30 tahun yang akan datang. Kita sedar bukan mudah untuk mencapai dan mengekalkan status negara maju berpendapatan tinggi namun usaha dan langkah ke arah itu perlu diambil dari peringkat akar umbi lagi.

Dalam konteks ini inisiatif untuk melatih anak muda tempatan mahir dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional adalah sangat mustahak. Ini kerana kelompok anak muda ini masih belum memacu dan meneruskan kegemilangan negara ini pada masa akan datang. Dan kita juga perlu mengambil peluang dan membuat perancangan rapi supaya secara perlahan-lahan dapat mengurangkan pergantungan negara ini terhadap tenaga kerja asing yang terpaksa dibawa masuk bagi memenuhi keperluan pasaran kerja tempatan.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan lima lonjakan bagi mentransformasikan sistem TVET agar benar-benar berupaya menjadi agen perubahan dalam meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta ekonomi negara. Kita yakin langkah kerajaan ini dapat memastikan TVET menjadi pembekal tenaga kerja mahir negara sekaligus dapat menggalakkan peranan pekerja asing. Melalui lonjakan pertama, ke-

rajan akan melatih serta meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berterusan daripada 28 peratus ketika ini kepada 35 peratus menjelang 2020 agar mereka menjadi kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan memperoleh pendapatan yang lumayan. Kerajaan juga merancang untuk melatih sehingga 300,000 rakyat Malaysia dari-pada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) mulai sekarang hingga 2025.

Lonjakan kedua pula bakal membentuk sinergi dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran dengan cara memperkuuh dan memperbaikkan lagi kerjasama strategik awam-industri. Kerjasama strategik sebegini diyakini mampu menjadi platform terbaik kepada rakyat untuk dilatih menjadi tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang kritikal yang diperlukan oleh industri dan juga negara.

Selanjutnya untuk lonjakan ketiga, kerajaan akan memberi fokus supaya melahirkan lulusan TVET dalam bidang perniagaan dan teknosains agar mereka bukan sahaja mampu menjudgkan peluang kerja tetapi menjadi ikon kepada tenaga kerja tempatan selain berkebolehan bersaing di pentas antarabangsa. Bagi lonjakan keempat pula iaitu melaksanakan program geran padanan, kerajaan memperuntukkan RM20 juta dalam Bajet 2017 di mana peruntukan kewangan diberikan pada nilai yang

Lulusan TVET bakal menjadi tulang belakang dalam mengemudi negara ini menjadi negara maju berpendapatan tinggi."

Menurutnya, kita perlu meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berterusan daripada 28 peratus ketika ini kepada 35 peratus menjelang 2020 agar mereka menjadi kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan memperoleh pendapatan yang lumayan. Kerajaan juga merancang untuk melatih sehingga 300,000 rakyat Malaysia dari-pada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) mulai sekarang hingga 2025.

Lonjakan kedua pula bakal membentuk sinergi dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran dengan cara memperkuuh dan memperbaikkan lagi kerjasama strategik awam-industri. Kerjasama strategik sebegini diyakini mampu menjadi platform terbaik kepada rakyat untuk dilatih menjadi tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang kritikal yang diperlukan oleh industri dan juga negara.

Selanjutnya untuk lonjakan ketiga, kerajaan akan memberi fokus supaya melahirkan lulusan TVET dalam bidang perniagaan dan teknosains agar mereka bukan sahaja mampu menjudgkan peluang kerja tetapi menjadi ikon kepada tenaga kerja tempatan selain berkebolehan bersaing di pentas antarabangsa. Bagi lonjakan keempat pula iaitu melaksanakan program geran padanan, kerajaan memperuntukkan RM20 juta dalam Bajet 2017 di mana peruntukan kewangan diberikan pada nilai yang



LIMA lonjakan diumumkan kerajaan baru-baru ini bagi mentransformasikan sistem TVET akan meningkatkan daya saing kerja tempatan dan ekonomi negara - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

TVET sentiasa terkini dan menenuhi keperluan pasaran tempatan dan juga piawaian antarabangsa. Malah bidang-bidang latihan yang ditawarkan juga perlu disemak dan dijenamakan semula secara menyeluruh supaya terus kekal relevan di samping dapat menarik minat anak muda negara ini untuk menyertanya.

Dalam konteks ini kerjasama strategik awam-industri yang balik dibina melalui longjakan kedua sepatutnya menjadi nadir dan turun belakang hala tuju sistem TVET di negara kita. Malah industri juga dapat dilibatkan secara aktif untuk melatih kelompok pelajar secara praktikal.

Kita juga berharap merusi lima lonjakan itu mampu membantu mengubah imej bidang TVET serta persepsi masyarakat terhadap sistem TVET yang selama ini dilihat sebagai sistem pendidikan kelas kedua ataupun tempat latihan kepada pelajar-pelajar yang kurang menyerlah dalam bidang akademik. Ringkasnya, kita perlu meyakinkan belia dan masyarakat betapa TVET mempunyai masa depan yang cerah. Lulusan TVET bakal menjadi tulang belakang dalam mengemudi negara ini menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Jadi, kita berharap kelima-lima lonjakan yang diumumkan oleh kerajaan ini dapat diperhalusi dan diperincikan secara serius sekali gus dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Semoga sistem TVET dapat terus memacu daya saing tenaga kerja tempatan.

PENULIS ialah Timbalan Pendafar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM).